



## SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

23 OGOS 2019

---

### LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

---

23 Ogos 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada hari ini jam 11.00 pagi menunjukkan 9 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 56 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Dua stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini iaitu di Johan Setia, Klang (IPU 108) dan Kuala Baram, Sarawak (IPU 133) manakala satu stesen mencatatkan bacaan sangat tidak sihat iaitu di ILP Miri, Sarawak (IPU 228).**

Bacaan IPU di stesen ILP Miri telah mencatatkan penurunan bacaan IPU kepada tahap yang Sangat Tidak Sihat dan kerja-kerja pemadaman kebakaran hutan dan belukar di Kuala Baram, Miri masih lagi giat dilakukan. Beberapa buah sekolah di kawasan berhampiran masih lagi ditutup hari ini sehingga keadaan jerebu menjadi semakin baik. Manakala Johan Setia, Klang pula mencatatkan bacaan IPU yang Tidak Sihat disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembakaran ladang bagi tujuan pertanian. Perkara ini akan disiasat lebih lanjut oleh pihak JAS untuk tindakan penguatkuasaan.

Kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak dan menyebabkan status kualiti udara negara pada tahap sederhana.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **22 Ogos 2019**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 19*, 76 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, Indonesia, 5 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan, Indonesia dan tiada titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara. Terdapat titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **22 Ogos 2019** (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di Riau, Jambi dan selatan Sumatera, Indonesia. Lingkaran asap jerebu juga kelihatan di kawasan Barat, Tengah dan Selatan Kalimantan, Indonesia. Arah pergerakan angin dari arah Barat Laut telah membawa asap jerebu dari kawasan Sumatera dan Kalimantan yang terjejas ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di bahagian Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut Walaubagaimanapun, Malaysia dan sebahagian kawasan di Sumatera dan Borneo akan menerima hujan dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesan jerebu di kawasan berkenaan.

**JAS** telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu

atau dengan tidak sengaja.

### **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim


Dikeluarkan pada: 11.00 pagi, 23 Ogos 2019

### **Maklumat lanjut, sila hubungi:**

Puan Mashitah Darus Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-2983395	En. Wan Aminordin Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-7000840
--	---

PETA JEREBU SERANTAU 22 OGOS 2019

Regional Haze Situation



**Latest Weather and Haze Situation**



Showers fell over many parts of the Mekong sub-region today. Tropical Storm BAILU brought heavy showers to some parts of the Philippines. It was generally dry over the southern ASEAN region, except for isolated showers in Malaysia and in some parts of Sumatra and Borneo. Hotspots with visible smoke haze were observed in Riau, Jambi and South Sumatra. Prevailing winds have blown the smoke haze to the northwest. In Kalimantan, hotspots emitting significant amount of smoke haze were detected in West, Central and South Kalimantan. Isolated hotspots with localised smoke plumes were also detected in East Kalimantan.

Updated 7:46 PM 22 Aug

**Weather and Haze Outlook**

For the next few days, scattered showers are forecast over the northern ASEAN region. Tropical Storm Bailu is forecast to strengthen and track toward the northwest. Prevailing winds are forecast to blow from the southwest or west. In the southern ASEAN region, dry weather is expected to persist mainly over the areas south of the equator, including southern parts of Sumatra and Kalimantan. Isolated showers are forecast elsewhere. Prevailing winds are forecast to blow from the southeast or southwest. Hotspot activities and smoke haze in Sumatra and Kalimantan can be expected to persist.

Updated 7:46 PM 22 Aug



## BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 22 OGOS 2019

TARIKH : 22 OGOS 2019  
HARI : KHAMIS  
SATELIT : NOAA19

<b>NEGARA : MALAYSIA</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>HOTSPOT</b>
1.	JOHOR	0
2.	KEDAH	0
3.	KELANTAN	0
4.	MELAKA	0
5.	NEGERI SEMBILAN	0
6.	PAHANG	0
7.	PERAK	0
8.	PERLIS	0
9.	PULAU PINANG	0
10.	SABAH	0
11.	SARAWAK	0
12.	SELANGOR	0
13.	TERENGGANU	0
14.	W. P. KUALA LUMPUR	0
15.	W. P. LABUAN	0
16.	W. P. PUTRAJAYA	0
<b>JUMLAH HOTSPOT</b>		<b>0</b>

<b>NEGARA SERANTAU</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NEGARA</b>	<b>HOTSPOT</b>
1.	SUMATERA	<b>76</b>
2.	KALIMANTAN	<b>5</b>
3.	BRUNEI	0

## BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 11.00 PAGI, 23 OGOS 2019

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 23/08/2019 11:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	46**	Good
CA02K	Langkawi, KEDAH	24**	Good
CA03K	Alor Setar, KEDAH	51**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	56**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	40**	Good
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	54**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	53**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	49**	Good
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	51**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	53**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	67**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	66**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	70**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	56**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	85**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	86**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	86**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	74**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	86**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	82**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	85**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	85**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	93**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	73**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	72**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	74**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	80**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	74**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	75**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	70**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	65**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	59**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	56**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	56**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	51**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	68**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	92**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	71**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	68**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	56**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	65**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	57**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	58**	Moderate
CA44T	TERENGGANU	58**	Moderate

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 23/08/2019 11:00	
		API	CLASS
CA44T	TERENGGANU	58**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	54**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	54**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	56**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	31**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	41**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	46**	Good
CA51S	Kimanis, SABAH	39**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	55**	Moderate
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	56**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	51**	Moderate
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	228**	Very Unhealthy
CA56Q	Miri, SARAWAK	62**	Moderate
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	55**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	67**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	51**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	48**	Good
CA61Q	Sibu, SARAWAK	52**	Moderate
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	53**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	58**	Moderate
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	54**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	64**	Moderate

Summary CAQM KU (Current API Value & Class)

API Class	Number of Areas
Good	9
Moderate	55
Unhealthy	0
Very Unhealthy	1
Hazardous	0
NA	0

MCAQM KU (Current API Value & Class)

STATION ID	LOCATION	Date/Time:23/08/2019 11:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	108**	Unhealthy
MCAQM002	SK Kuala Baram 2	133**	Unhealthy
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	57**	Moderate

